



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

7 April 2016

**Kenyataan Media  
YB Dato' Hasan bin Arifin,  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen**

- 1) Hari ini, PAC membentangkan Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berhubung Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1Malaysia Development Berhad (1MDB) selepas laporan ini dipersetujui sebulat suara serta konsensus ketika mesyuarat penyediaan laporan pada Isnin lalu.
- 2) PAC yang dianggotai 14 Ahli Parlimen sembilan ahli daripada parti Barisan Nasional (BN) dan lima daripada parti pembangkang dalam menyiapkan laporan ini secara kolektif dengan mengemukakan rumusan serta cadangan kepada Kerajaan berhubung kawalan pengurusan tadbir urus syarikat 1MDB yang dimiliki Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD)
- 3) PAC memulakan laporan prosiding Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1MDB pada 19 Mei 2015 dan mengakhiri prosiding ini pada 11 Februari 2016 dengan memanggil semua pihak yang bertanggungjawab terhadap syarikat 1MDB termasuk Kementerian Kewangan (MoF), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Lembaga Pengarah 1MDB, pengurusan tertinggi 1MDB dan Juruaudit 1MDB.
- 4) PAC ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Audit Negara (JAN) kerana membentangkan Laporan Pengauditan 1MDB kepada PAC pada 4 dan 7 Mac lalu.
- 5) Jawatankuasa ini bersandarkan maklumat daripada laporan yang disediakan JAN selaras dengan keputusan Kabinet yang mengarahkan Laporan Audit 1MDB dibentangkan kepada PAC untuk menjalankan siasatan, menyiapkan serta merumuskan Laporan PAC berhubung Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1MDB.
- 6) PAC mengakui bahawa syarikat 1MDB mempunyai struktur modal yang lemah dan terdapat beberapa kelemahan tadbir urus yang dijelaskan dengan terperinci dalam laporan ini.
- 7) PAC juga mendapati bahawa struktur modal 1MDB terlalu bergantung kepada penggunaan hutang.
- 8) PAC juga berpuas hati dengan Laporan Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1MDB pelan rasionalisasi syarikat 1MDB dan langkah-langkah yang diambil kerajaan dalam tempoh singkat bagi memulihkan syarikat ini.

- 9) Atas sebab itu, PAC menyarankan supaya pihak penguatkuasa perlu mengkaji dengan teliti laporan ini dan membuat siasatan lanjut. Jika didapati wujud kesalahan, tindakan undang-undang perlu diambil.

Dato' Hasan bin Arifin

Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen

Merangkap Ahli Parlimen Rompin